



Kenyataan Media

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

GARIS PANDUAN PENGOPERASIAN SEMULA PUSAT PENJAGAAN KANAK-KANAK (*CHILD CARE CENTRES, CCC*) SEMASA FASA ENDEMIK BERMULA 17 JANUARI 2022

Merujuk kepada kenyataan media Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pada hari Selasa, 9 Jamadilawal 1443 bersamaan 14 Disember 2021 mengenai **Garis Panduan Fasa Awal Endemik** bagi beberapa fasiliti yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian ini, sukacita Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memaklumkan mengenai kebenaran bagi **Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (*Child Care Centres, CCC*)** untuk beroperasi semula secara berperingkat-peringkat semasa Fasa Endemik dalam Rangka Kerja Pemulihan COVID-19 **bermula pada 14 Jamadilakhir 1443 bersamaan 17 Januari 2022.**

Alhamdulillah, sebagai susulan semasa kenyataan media sebelum ini, keputusan demikian adalah berdasarkan kepada persetujuan Jawatankuasa Pandu COVID-19 serta hasil kajiselidik atas talian yang dikendalikan dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesihatan yang telah disertai oleh lebih dari 11,500 orang ibu bapa di seluruh negara. Daripada responden yang berkenaan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengambil maklum bahawa sebahagian besar telah bersetuju terhadap keperluan untuk pembukaan semula Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (*Child Care Centres, CCC*) pada bulan Januari 2022. Pembukaan semula ini bertujuan untuk memberikan ruang dan peluang khususnya bagi ibu bapa yang berkerja untuk menghantar anak-anak mereka bagi penjagaan semasa waktu kerja.

Oleh yang demikian, dengan mengambilkira keperluan ibu bapa serta nasihat Kementerian Kesihatan dalam memastikan pematuhan kepada langkah teras Kawalan COVID-19 khususnya dengan mengambilkira program vaksinasi belum dilaksanakan bagi kanak-kanak dibawah umur 5 tahun pada masa ini, pembukaan semula Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (*Child Care Centres, CCC*) adalah tertakluk kepada pematuhan terhadap syarat-syarat utama seperti berikut:

- a) Pertama, ibu bapa dan para petugas termasuk petugas bantuan hendaklah **melengkapkan 2 dos vaksinasi serta mempunyai BruHealth code berwarna hijau atau kuning**. Bukti pengesahan vaksinasi hendaklah ditunjukkan.
- b) Kedua, saringan ujian ART hendaklah dilaksanakan **sekali setiap minggu** bagi ibu bapa dan para petugas termasuk petugas bantuan manakala kanak-kanak hendaklah menjalani ujian ART menggunakan *saliva swab samples*. **Hanya individu yang mempunyai keputusan ART yang negatif dibenarkan untuk hadir ke premis berkenaan** dan individu yang mengalami simptom dan berisiko tinggi tidak dibenarkan masuk.
- c) Ketiga, Pemilik pusat penjagaan kanak-kanak hendaklah memastikan premis mempunyai pengudaraan yang mencukupi dengan **pemasangan "Hepa Filter"**.
- d) Dan keempat, pemilik premis juga hendaklah mematuhi garispandu umum yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan termasuk **pemakaian pelitup muka, sungkup muka, sarung tangan dan apron (partial PPE)** bagi setiap petugas; **pemakaian sungkup muka (face mask)** bagi kanak-kanak 2 tahun ke atas pada setiap masa; mempraktikkan penjarakan sosial; mengelakkan sebarang kontak fizikal; pemeriksaan suhu badan dan memastikan kebersihan premis.

Bagi memastikan pembukaan semula Pusat Penjagaan Kanak-Kanak adalah selaras dengan syarat dan garispandu yang telah dipersetujui bersama Kementerian Kesihatan, pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah dan terus membuat pemeriksaan serta penilaian ke atas premis-premis berkenaan bagi kelulusan untuk beroperasi.

Sebelum diluluskan, Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (*Child Care Centres, CCC*) dikehendaki untuk membuat persediaan mengikut garis pandu demikian dan menghadapkan *Business Continuity Plan (BCP)* kepada pihak JAPEM. Kebenaran hanya akan diberikan kepada pusat yang didapati bersedia mengikuti garis pandu yang ada, manakala pusat yang didapati belum bersedia akan diberikan tempoh sebelum penilaian semula dijalankan.

Setelah diluluskan, premis tersebut akan dibenarkan untuk beroperasi semula dibawah **Tahap Pertama Pembukaan Secara Berfasa bermula pada 14 Jamadilakhir 1443 bersamaan 17 Januari 2022** dengan persyaratan berikut:

- a) Pertama, ianya hanya dibenarkan untuk beroperasi dengan **30% kapasiti sahaja dalam satu masa**.
- b) Kedua, pusat hanya dibukakan kepada kanak-kanak yang **berumur 2 tahun ke atas** sahaja.
- c) Ketiga, aktiviti pusat juga **ditumpukan kepada penjagaan sahaja** dimana Aktiviti Perkembangan (*development*) secara individu atau berkumpulan adalah tidak dibenarkan.
- d) Dan keempat, disyorkan bagi **sesi-sesi untuk dibahagikan kepada waktu pagi dan waktu petang atau mengikut hari**.

Dikongsikan bahawa setakat hari ini, seramai 1,275 kanak-kanak telah didaftarkan dalam 45 Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (*Child Care Centres, CCC*) yang berdaftar diseluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak 20 Pusat Penjagaan Kanak-Kanak (*Child Care Centres, CCC*) telah diperiksa dimana 6 buah didapati bersedia dan dibenarkan beroperasi manakala 14 pusat memerlukan pemeriksaan semula. Disamping itu, 13 Pusat adalah dijadualkan utnuk diperiksa dalam tempoh 2 minggu ini dan pada masa yang sama, didapati bahawa 12 Pusat belum menghadapkan *Business Continuity Plan (BCP)* masing-masing.

Dalam kesempatan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan merakamkan penghargaan kepada orang ramai atas kerjasama yang telah diberikan dalam mematuhi SOP dan Garis Panduan semasa pembukaan fasiliti-fasiliti dibawah Fasa Awal Endemik Fasa sehingga sekarang. Kerjasama dalam mematuhi SOP dan Garis Panduan hendaklah terus dikekalkan dalam kitani menghindari risiko jangkitan COVID-19.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah merujuk kepada garis panduan yang terperinci yang telah disediakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kesihatan dengan melayari laman sesawang www.kkbs.gov.bn atau www.jpm.gov.bn.

Marilah kita terus berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan sentiasa mengurniakan kita dengan kerahmatan, perlindungan serta nikmat kesihatan yang berpanjangan.

Dikeluarkan oleh:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Negara Brunei Darussalam

E-mel: Info@kkbs.gov.bn

Laman Sesawang: www.kkbs.gov.bn Instagram: @kkbs_brunei

Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

- TAMAT -